

Generasi baru perlu berdiri di atas kaki sendiri

Star 3/7/2011 MS 15.

TIDAK mengharapkan belas ihsan atau bantuan mana-mana pihak untuk berjaya, usahawan muda dari Felda Sungai Tekam Utara, Jengka, Pahang ini kini mampu tersenyum bangga.

Mengusahakan sebuah kedai perabot sejak berusia 23 tahun, Mohd Hisham Mat Isa, 35, berkata, membesar di tanah rancangan Felda telah banyak mengajarnya erti sebuah kehidupan.

Sebagai generasi kedua Felda, Mohd Hisham memberitahu kepayahan mengharungi hidup sebagai anak peneroka banyak mendidiknya untuk berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharap belas ihsan dan bantuan dari orang lain.

"Felda telah menyediakan segala-galanya kepada peneroka, tapi kita sendiri perlu berusaha untuk memajukan diri. Jika tiada usaha dan hanya mengharapkan ihsan dan bantuan daripada kerajaan sampai bila-bila pun tidak akan ke mana," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Ketika mula membuka Al-Hisham Perabot, Mohd Hisham berkata, ia tidak semudah yang dijangka kerana pelbagai cabaran perlu ditempuhi untuk berjaya dalam perniagaan.

Katanya, setelah menamatkan pengajian dalam bidang perakaunan di Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan, dia melakukan pelbagai kerja untuk mengumpul modal bagi memulakan perniagaan sendiri.

"Saya memang minat untuk menjadi usahawan dan atas dasar itu saya mengambil kursus perakaunan kerana melihat bidang itu dapat membantu saya menguruskan kewangan perniagaan.

"Apabila melihat prospektif di Jengka pada ketika itu yang masih

tidak mempunyai kedai perabot, saya memberanikan diri mengambil risiko untuk membuka perniagaan," katanya yang turut dibantu oleh isterinya, Hazlina Harun, 34 tahun.

Berniaga tidak boleh sombong

Mohd Hisham yang menjadi antara individu terawal membuka perniagaan kedai perabot di kawasannya berkata, untuk menjadi seorang usahawan berjaya, seseorang itu tidak boleh sombong dan perlu lebih ramah untuk mendapat lebih banyak peluang.

Katanya, sikap suka berpeluk tubuh dan tidak mahu melakukan apa-apa untuk mengubah keadaan diri boleh menjadikan sesebuah perniagaan itu tidak akan ke mana,

"Itu adalah masalah sesetengah usahawan baru hari ini yang merasakan apabila mempunyai sebuah perniagaan stabil mereka tidak melakukan apa-apa untuk terus maju ke hadapan. Sikap itulah yang akan menyebabkan ramai di antara usahawan Melayu gulung tikar," katanya.

Seperti dirinya, dia tidak malu untuk membawa perabot-perabotnya ke kawasan pedalaman untuk dijual menyedari ramai di antara mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri.

"Selain membawa sendiri semua perabot ke kawasan berhampiran rumah mereka, cara ini juga dapat mengembangkan perniagaan saya,"



Hisham sedang membantu pekerjaanya memasang perabot.

ujarnya.

Kini Mohd Hisham boleh tersenyum bangga kerana berkat usahanya itu dia mempunyai rangkaian yang cukup luas bukan sahaja di kawasannya malah turut membekalkan perabot di luar kawasan.


"Selain menjual perabot di kedai, saya turut membuka tapak jualan di kawasan terbuka jika ada sambutan atau majlis selain membekalkan perabot untuk rumah penduduk Felda di beberapa kawasan dan orang persendirian.

"Kita kena ambil risiko, sekiranya produk dan perkhidmatan yang diberikan memuaskan, mereka

pasti akan kembali membeli dengan kita," katanya yang baru sahaja pulang mengerjakan ibadah umrah baru-baru ini.

Lebih membanggakan, Mohd Hisham melalui perniagaan itu dapat membantu anak peneroka lain dengan menyediakan peluang pekerjaan untuk mereka. Ini kerana katanya, adalah menjadi tanggungjawab untuk membantu masyarakat di situ dan bukan semata-mata untuk kejayaan sendiri.

"Adalah penting untuk saya membantu anak-anak peneroka di sini memajukan diri bukan sahaja memberikan mereka peluang kerja,



Hisham telah membuka kedai perabot sejak tahun 1999.

tetapi juga mengajar mereka selok-belok tentang perniagaan.

"Mana tahu suatu hari nanti mereka akan mempunyai perniagaan mereka sendiri dan memeriahkan lagi aktiviti ekonomi di Jengka," katanya yang mempunyai lima orang pekerja tetap.

Menurutnya, dengan pelbagai imbuhan dan kemudahan yang diwujudkan oleh pihak Felda, pelbagai potensi yang boleh diambil oleh generasi baru untuk merencanakan lagi aktiviti ekonomi bagi masyarakat Felda.

Penyatuan manifestasi kesejahteraan peneroka

MELEWATI usia 55 tahun, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) kini berada di kedudukan tersendiri malah terus kekal relevan untuk berkhidmat kepada generasi peneroka.

Lebih menggembirakan, kejayaan Felda sekarang pada dasarnya adalah hasil sumbangan berterusan warga peneroka sendiri yang mahu melihat nikmat yang diperoleh selama ini berkekalan untuk generasi akan datang.

'Melestari Kesejahteraan Peneroka' merupakan tema sambutan Hari Peneroka 2011 yang perlu dihayati bukan sahaja oleh generasi peneroka malah tidak terkecuali generasi baru dan kakitangan Felda.

Kata mudah-mudahan, sungguhpun tanggungjawab Felda untuk mambantu peneroka yang dibawa masuk menyertai tanah rancangan sejak lebih 50 tahun lalu sudah berakhir, namun masih ada tugas lain yang tidak berpenghujung.

Tiada lagi hutan yang hendak dibersihkan, tiada lagi tanah yang akan dibuka sebagai tanah rancangan. Sebaliknya cuma yang tinggal adalah usaha kearah untuk mempertahankan hak sedia ada.

Justeru semboyan ke arah penyatuan peneroka mahupun generasi baru perlu dipandang serius kerana ia adalah manifestasi kepada kelangsungan masa depan mereka.

Sejak lebih 50 tahun yang lalu juga elemen kesejahteraan yang diterapkan kerajaan dan Felda hidup segar dalam diri peneroka.

Tidak keterlaluan jika dikatakan peranan Felda telah menjangkau sempadan asalnya malah tidak tercatat sebagai komponen objektif di awal kewujudannya.

Proses pelestarian kesejahteraan yang ditekankan hari ini juga sebenarnya hanyalah sebagai salah satu tanggungjawab korporat (CSR) Felda.

Generasi peneroka di semua peringkat



Amalan hidup bersatu-padu menjadi ramuan kesejahteraan warga peneroka.

sepatutnya menghayati secara mendalam maksud di sebalik elemen kesejahteraan yang perlu dilestarikan itu.

Jika diamati, kesejahteraan yang dimaksudkan didorong oleh beberapa faktor seperti kesenangan, keselesaan, kekayaan, keselamatan mahupun kebajikan.

Nyata sekali rakyat khususnya golongan peneroka telah menikmati kebajikan yang dibawa oleh kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan 54 tahun yang lalu.

Namun segala kenikmatan itu perlu dipertahankan atau dilestarikan demi masa depan generasi akan datang.

Pada bila-bila masa sahaja faedah daripada kebajikan yang diperolehi generasi peneroka boleh berakhir sekiranya komponen Felda gagal mencapai penyatuan.

Sama ada peneroka, generasi kedua, ketiga dan juga kakitangan Felda, hubungan


erat yang dibina sejak setengah abad yang lalu adalah kata kunci kepada perpaduan berkenaan.

Sikap saling percaya dan perasaan menghormati antara satu sama lain turut menyumbang kepada kesejahteraan peneroka.

Felda sendiri sudah pasti mempunyai pelbagai program dan sasaran yang direncanakan khusus untuk pembangunan peneroka dan generasi muda.

Tumpuan ke arah peningkatan daya kemahiran menjadi matlamat penting bagi mempersiapkan-sediakan generasi muda menghadapi cabaran besar khususnya untuk meningkatkan taraf hidup selaras dengan matlamat kerajaan untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

Begitu banyak program, skim latihan dan tawaran yang disediakan khusus untuk



Pelbagai program dan skim latihan disediakan khusus buat generasi baru untuk mereka sama-sama terjun dalam arus peredaran kemajuan negara.

generasi baru untuk mereka sama-sama terjun dalam arus peredaran kemajuan negara.

Harus diingat, tanggungjawab membela nasib dan kebajikan golongan peneroka tetap menjadi keutamaan Felda.

Sebagai agensi yang membangunkan tanah rancangan paling berjaya dan terbesar di dunia, Felda telah menyumbang pelbagai manfaat kepada sistem strukturnya.

Bukan sekadar mampu berdiri di atas kaki sendiri tanpa bantuan kewangan kerajaan, Felda juga berjaya mengeluarkan bajet sekitar RM1.6 bilion.

Dengan kedudukan semasa yang dihuni oleh 112,635 keluarga dan 1.6 juta generasi baru selain menjadi sumber rezeki 23,000 pekerja tetap dan 60,000 pekerja ladang, Felda ternyata berjaya memberi kesejahteraan kepada ramai pihak sejak 55 tahun lalu.